

01/11/2003

Abdullah pernah menganggur

SEBAGAI seorang guru, Ng Soo Chye, 72, tidak pernah menyangka anak muridnya yang disifatkan sebagai pendiam dan pemalu, akan menyandang jawatan Perdana Menteri dan memimpin negara.

Bagaimanapun, pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima bagi menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan sesuatu yang mengejutkan Ng kerana sifat kepemimpinan Abdullah memang terserlah sejak dulu lagi.

"Beliau sememangnya mempunyai banyak kebolehan dan bakat yang mendalam.

Beliau berkarisma dan sangat berbakat.

"Saya akan sentiasa ingat Abdullah sebagai anak muda yang berpakaian kemas, sangat bersopan, merendah diri, taat dan bijak. Saya yakin, minatnya yang tinggi dan ketekunannya ketika di bangku sekolah banyak menyumbang kepada pencapaiannya sekarang," kata Ng.

Ng yang kini tinggal di Taman Machang Bubok, Seberang Prai pernah mengajar Abdullah mata pelajaran bahasa Inggeris ketika beliau berada di tingkatan satu Bukit Mertajam High School pada sekitar 1950-an.

Beliau yang juga guru pengakap bagi Perdana Menteri kelima itu menegaskan, Abdullah banyak belajar mengenai kepemimpinan dan hormat-menghormati melalui pembabitannya dalam gerakan itu.

Ng berkata Abdullah yang disukai ramai, terutama guru dan rakan seperjuangan adalah ketua yang bijak membahagikan tugas kepada ahli kumpulannya serta sentiasa mendapat kerjasama semua pihak.

Bagaimanapun, Ng berkata perjalanan hidup Abdullah tidak sentiasa lancar kerana pernah menganggur untuk sementara waktu.

"Pada masa itu, Abdullah sedih kerana menganggur. Kawan saya mengajak saya melawat beliau di rumahnya di Kepala Batas. Beliau sungguh gembira melihat kami dan saya masih ingat apa yang diucapkannya. Abdullah berkata,

hanya kami yang datang melawat dan minta kami mendoakannya," katanya.

Ng berkata beliau sangat tersentuh apabila dijemput makan di bilik khas

bersama keluarga Abdullah dan VIP lain, ketika menghadiri rumah terbuka Aidilfitri di rumah Perdana Menteri itu.

Bekas guru yang juga bapa kepada dua anak perempuan, termasuk seorang menjadi Ahli Parlimen Singapura, berkata walaupun hanya mendidik Abdullah

selama dua tahun, ia sudah cukup untuk mereka berkongsi kenangan manis bersama.

"Menjadi harapan dan impian semua guru untuk melihat anak muridnya berjaya dalam kehidupan dan pelantikan Abdullah adalah hadiah paling bermakna dalam karier mengajar saya selama 20 tahun.

"Saya bangga bangga menjadi sebahagian daripada hidupnya. Saya yakin beliau berupaya memimpin negara ke tahap kemakmuran dan kejayaan yang lebih tinggi. Beliau sesuai dengan jawatan ini," katanya.

Sementara itu, isteri Ng, Yong Wan Sin berkata Abdullah beruntung kerana

mempunyai isteri yang banyak memberi sokongan.

"Mereka pasangan yang sangat menyayangi dan banyak membantu orang lain.

Saya yakin mereka akan jadi pemimpin yang sangat baik," katanya.